



Pelan Strategik UiTM 2025

NAMA Universiti Teknologi MARA (UiTM) tidak asing lagi buat seluruh rakyat Malaysia. Bermula sebagai institusi yang memfokuskan pembangunan orang Melayu di luar bandar, UiTM telah berkembang menjadi antara institusi pendidikan tinggi terbesar di Malaysia yang menekankan usaha untuk membangunkan taraf sosioekonomi bumiputera di negara ini, seiring dengan perkembangan infrastruktur fizikal, sistem organisasi kakitangan dan pendaftaran pelajar yang mapan.

Berbekalkan aspirasi untuk menjadi sebuah pusat pengajian tinggi bertaraf dunia, UiTM sentiasa memberikan tumpuan kepada peningkatan kecemerlangan akademik, sosial, inovasi, pengiktirafan antarabangsa dan global, serta teknologi baharu yang menyumbang kepada pembangunan industri dan negara. Pada 6 Februari lalu, bertempat di UiTM Shah Alam, satu rangka tindakan (*blueprint*) baharu telah dilancarkan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah UiTM, Dato' Sri Haji Syed Zainal Abidin Syed Mohamed Tahir pada Majlis Pelancaran Pelan Strategik UiTM 2025. Pelan ini seiring dengan visi utama UiTM untuk menjadi universiti unggul yang berteraskan keserjanaan dan kecemerlangan akademik bagi menerajui dinamisme bumiputera dalam semua bidang profesional bertaraf dunia agar terlahir graduan yang berdaya saing, bertaraf global dan beretika. Ikuti sesi wawancara antara sidang editor *Dewan Masyarakat (DM)* bersama-sama Profesor Emeritus Datuk Ir. Dr. Mohd Azraai Kassim, Naib Canselor UiTM, bagi memperincikan tumpuan dan hala tuju Pelan Strategik UiTM 2025.

DM: Bolehkah Datuk terangkan mengenai Pelan Strategik UiTM 2025?

Profesor Emeritus Datuk Ir. Dr. Mohd Azraai Kassim: Secara ringkasnya, dokumen Pelan Strategik UiTM 2025 ini ialah perancangan bagi tempoh lima tahun UiTM, iaitu antara tahun 2020 hingga 2025. Pelan ini bertujuan untuk melakukan proses transformasi terhadap UiTM agar menjadi universiti yang ternama di peringkat global. Di samping itu, pelan ini turut memberikan tumpuan kepada pembangunan dan peningkatan kecemerlangan dalam bidang sains, teknologi, kemanusiaan dan keusahawanan.

DM: Berdasarkan pelan strategik dalam tempoh lima tahun sebelum ini, sejauh manakah keberhasilan pelan tersebut?

Profesor Emeritus Datuk Ir. Dr. Mohd Azraai Kassim: Sejak tahun 2001, UiTM telah memiliki empat pelan strategik yang dirangka bagi tempoh setiap lima tahun. Pelan Strategik UiTM 2025 ini merupakan rangka tindakan yang kelima. Hal ini bermakna, kesemua pelan yang dihasilkan sebelum ini lebih bertumpu kepada pembinaan dan pengukuhan asas, pengajaran dan pendidikan universiti, serta pembangunan dan kemajuan pelajar. Akan tetapi, pelan yang dilancarkan ini membawa lonjakan profil UiTM supaya menjadi sebuah universiti yang ternama di peringkat global. Oleh itu, pengantarabangsaan akan menjadi suatu elemen penting dalam pelan strategik ini. Pelan Strategik UiTM 2025 mempunyai tiga teras, iaitu pendidikan berkualiti; kecemerlangan di peringkat global; dan prestasi berteraskan nilai. Dalam merangka pelan ini, UiTM mengambil kira pelbagai perkara. Antaranya ialah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2015-2025), Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 dan juga Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0). Antara asas penting yang diambil kira supaya keseluruhan tujuan rangka tindakan ini boleh dicapai adalah dengan memastikan pelan ini kekal relevan serta dapat meningkatkan daya saing pelajar, graduan dan juga staf UiTM.

DM: Siapakah yang terlibat dalam proses merangka pelan ini?

Profesor Emeritus Datuk Ir. Dr. Mohd Azraai Kassim: Proses perangkaan pelan strategik ini melibatkan sekumpulan pemimpin serta pihak pengurusan di peringkat tertinggi dan pertengahan UiTM, malah turut melibatkan ahli lembaga pengarah universiti. Hal ini bermakna, proses perangkaan pelan tindakan

UiTM ini melibatkan banyak pihak secara meluas. Pemimpin di peringkat pertengahan turut mengambil kira pandangan pihak yang berada di peringkat bawah. Secara mudahnya, hampir majoriti staf UiTM terlibat dalam merangka pelan ini.

DM: Berapa lamakah tempoh masa yang diambil dalam proses perangkaan pelan strategik ini? Profesor Emeritus Datuk Ir. Dr. Mohd Azraai Kassim:

Proses perangkaan Pelan Strategik UiTM 2025 ini mengambil masa kira-kira lebih enam bulan, sejak Mei pada tahun lalu. Dianggarkan lebih 300 orang staf pada peringkat tertinggi terlibat dalam penyusunan pelan ini.

DM: Teras pertama dalam pelan strategik ini adalah untuk mencapai pendidikan yang berkualiti. Bolehkah Datuk jelaskan mengenai teras ini?

Profesor Emeritus Datuk Ir. Dr. Mohd Azraai Kassim: Antara perkara yang diberikan tumpuan dalam pendidikan berkualiti dengan menggunakan istilah Pendidikan (*Education*) 5.0 UiTM. Hal yang demikian mengambil kira pendekatan pembelajaran yang terkini, iaitu menggunakan teknologi dan sebagainya dalam memastikan dan memberikan tumpuan kepada pelajar dalam apa-apa juga aktiviti pembelajaran dan pengajaran. Di samping itu, UiTM juga melaksanakan pelbagai aktiviti dan program seperti pembelajaran perkhidmatan UiTM, bahkan sijil yang memperoleh pengiktirafan profesional juga diberikan tumpuan untuk meningkatkan kualiti, di samping melibatkan pelajar dalam program mobiliti ke luar negara. Hal ini merupakan antara perkara yang ditekankan dalam pendidikan berkualiti.

DM: Adakah Pelan Strategik UiTM 2025 seiring ataupun berbeza daripada Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia?

Profesor Emeritus Datuk Ir. Dr.

Mohd Azraai Kassim: Pelan strategik ini selari dengan pelan pembangunan pendidikan negara yang menekankan kecemerlangan dan penyelidikan global. Bentuk pengajaran dalam pelan ini dirangka sejajar dengan pelan pendidikan negara bagi mendatangkan pulangan terbaik modal insan untuk memacu segala hasrat pembangunan negara.

DM: Pada kebiasaannya, terdapat cabaran tertentu dalam usaha merealisasikan pelan strategik ini. Sejauh manakah kesemua UiTM di seluruh negara mampu menggalas tanggungjawab ini?

Profesor Emeritus Datuk Ir. Dr.

Mohd Azraai Kassim: UiTM telah dan akan terus terlibat bersama-sama semua staf dalam melaksanakan tugas penting ini supaya semua warga UiTM faham tentang rangka tindakan dan hala tuju yang disusun. Oleh itu, penglibatan sudah bermula dan akan berterusan disebabkan mereka berasakan bahawa rangka tindakan ini milik mereka. Mereka komited dalam melaksanakan pelan strategik ini. Oleh itu, pasukan saya telah menonjolkan penglibatan yang baik dan akan terus melibatkan diri pada masa akan datang. Saya percaya, pendapat mereka sangat penting dan mereka amat komited untuk melaksanakan pelan ini.

DM: Bagaimanakah keyakinan Datuk terhadap keberkesanan pelan ini?

Profesor Emeritus Datuk Ir. Dr.

Mohd Azraai Kassim: Saya sendiri mempunyai pengalaman yang lama – hampir 10 tahun – dalam pelaksanaan pelan transformasi lain sebelum ini. Saya yakin dengan pendekatan melibatkan semua

pihak serta memastikan ada yang menjadi pejuang dalam melaksanakan tiap-tiap teras pelan strategik ini. Seterusnya perkara yang penting adalah dengan melaksanakan kajian semula secara berkala. UiTM sendiri telah mempunyai bahagian transformasi universiti yang akan mengawasi perkembangan secara berkala, bukan sekadar secara bulanan malah mingguan. Kami memiliki bilik gerakan yang akan mengawasi pencapaian bagi setiap pergerakan yang dilakukan.

Saya percaya, pelan strategik ini akan berhasil sekiranya kita memberikan tumpuan kepada pelaksanaannya. Secara kebetulan, pelaksanaan transformasi ini merupakan satu kekuatan bagi saya dalam memastikan pelan ini dilaksanakan dengan sebaik-baik mungkin. Saya yakin, kejayaan akan tercapai. Malah, dalam tempoh setahun saya berkhidmat di sini, kita sudah melihat peningkatan dalam pencapaian pada tahun 2019 berbanding dengan tahun 2018.

Saya mempunyai keyakinan yang tinggi tentang kejayaan pelan ini sekiranya warga UiTM bersama-sama menggerakkan pelaksanaannya. Bagi saya, sesuatu pelan mestilah diterjemahkan dan dilaksanakan. Oleh sebab itulah saya telah menstrukturkan semula Bahagian Penyelidikan dan Transformasi yang sebelum ini diletakkan di Pusat Inisiatif Perancangan Strategik, di bawah pimpinan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UiTM, Profesor Dr. Mohd Nazip Suratman. Bermula dengan Pelan Strategik UiTM 2025 ini, bahagian tersebut diletakkan di bawah kendalian saya kerana saya sendiri yang akan memandu pelaksanaan pelan ini. Saya jenamakan semula bahagian ini menjadi Bahagian Transformasi Universiti.

DM: Apakah yang mendorong Datuk untuk melakukan perubahan seperti ini?

Profesor Emeritus Datuk Ir. Dr.

Mohd Azraai Kassim: Saya membuat pembaharuan seperti ini kerana saya mahukan perkara ini dilihat sebagai inisiatif yang serius daripada pemimpin tertinggi universiti. Jika pada waktu dahulu, sebagai contohnya dalam membuat kajian semula tentang sesuatu perkara, pihak pengurusan tertinggi hanya memanggil pihak tertentu sahaja untuk membuat perbentangan. Oleh itu, saya melakukan pembaharuan dengan menetapkan kajian semula yang dilaksanakan hendaklah melibatkan semua pihak. Pembentangan tentang pencapaian, kajian semula kekurangan dan sebagainya seharusnya melibatkan semua pihak serta dilaksanakan secara berkala. Saya sendiri mahu menerajui pelaksanaan pelan ini.

DM: Pelan strategik ini yang antara fokusnya ialah pengantarabangsaan UiTM, bagaimanakah perkara ini dapat dicapai sedangkan umum mengetahui bahawa UiTM khusus untuk bumiputera?

Profesor Emeritus Datuk Ir.

Dr. Mohd Azraai Kassim: Pada hakikatnya, pengantarabangsaan ini tidak dapat dielakkan oleh mana-mana universiti atas faktor fenomena globalisasi. Universiti tidak boleh bertindak secara bersendirian tanpa mengikuti perkembangan arus globalisasi. Pada pendapat saya, pengantarabangsaan ini penting jika dilihat dari dua sudut. Pertama, dalam melahirkan graduan yang mampu menembusi pasaran kerja global. Kedua, dalam meningkatkan kualiti graduan yang akan dilahirkan.

Jadi, saya melihat bahawa institusi ini sememangnya ditubuhkan untuk memberikan pendidikan kepada bumiputera, tetapi pada masa yang sama tidak menyekat mobiliti pelajar. Pelajar kita dihantarkan ke luar negara, manakala pelajar luar negara datang untuk mengikuti program singkat di UiTM. Pengantarabangsaan

ini sama sekali tidak menyekat aktiviti mahasiswa, khususnya bumiputera. Pada peringkat lepasan ijazah pula, UiTM telah dibenarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mengambil pelajar antarabangsa untuk tujuan daya saing serta persiapan untuk mencapai kemajuan di peringkat global.

Di samping itu, hal ini juga bertujuan untuk mewujudkan pengantarabangsaan di tempat sendiri. Pengantarabangsaan sudah mula sejak sekian lama dan sudah lebih 10 tahun sambutannya meningkat. Pada tahun 2018, UiTM telah menghantar 1000 orang pelajar ke luar negara, manakala 1000 orang pelajar dari negara luar datang ke UiTM. Akan tetapi, dalam pelan strategik kali ini, kami menyasarkan untuk menghantar 5000 orang pelajar ke luar negara dan 5000 orang pelajar datang ke UiTM menjelang tahun 2025.

DM: Bagaimanakah pula dengan pengantarabangsaan tenaga pengajar? Profesor Emeritus Datuk Ir. Dr. Mohd

Azraai Kassim: Tenaga pengajar sudah terlibat dengan aktiviti pengantarabangsaan ini melalui pembentangan dalam konferensi serta kolaborasi pendidikan dengan rakan kerja antarabangsa. Pengantarabangsaan dalam kalangan tenaga pelajar turut menjadi sasaran UiTM. Sekarang pihak UiTM baru menjalankan sebanyak 242 kolaborasi dengan universiti antarabangsa. Dalam pelan strategik kali ini, kami menyasarkan sebanyak 500 bentuk kerjasama dengan universiti di luar negara.

Selain itu, pengantarabangsaan di peringkat staf juga akan berlaku. Kami akan melaksanakan ikatan melalui memorandum persefahaman (MoU) antara staf UiTM – baik staf akademik mahupun staf pentadbiran – dengan universiti ternama di luar negara. Apa-apa yang penting ialah kolaborasi. UiTM akan memperbanyak kerjasama akademik, penyelidikan dan mobiliti dalam kalangan pelajar, tenaga pelajar serta staf.

DM: Ketika Datuk dilantik sebagai Naib Canselor UiTM, apakah perkara yang bermain dalam fikiran Datuk untuk membawa transformasi kepada UiTM?

Profesor Emeritus Datuk Ir. Dr. Mohd Azraai Kassim: Apabila saya melangkah masuk ke dalam UiTM sebagai Naib Canselor, saya dapat berasakan bahawa UiTM memiliki potensi dan kekuatan yang banyak, tetapi mungkin tidak dapat diserlahkan dan tonjolkan kepada pihak luar. Antaranya ialah kelebihan dalam bidang keusahawanan, keberhasilan



UiTM merupakan suatu bentuk perjalanan yang panjang untuk membentuk masa hadapan bumiputera. Ada yang mengaitkan bahawa masa hadapan bumiputera bergantung pada kejayaan UiTM. Tidak dapat tidak, UiTM menjadi institusi bumiputera terbesar di Malaysia dan sudah tentu pencapaiannya memberikan impak yang besar kepada orang Melayu keseluruhannya.

alumni, pencapaian dalam bidang penyelidikan, dan keterlibatan dalam pelbagai program khidmat komuniti. Malah, pencapaian UiTM yang paling besar ialah kejayaan melakukan transformasi sosioekonomi bumiputera, iaitu mengubah kehidupan orang Melayu dan bumiputera yang berasal dari kampung dan rata-ratanya daripada keluarga berpendapatan rendah menjadi orang yang berjaya serta mengambil tempat dalam persaingan ekonomi negara. Hal ini sebenarnya merupakan kejayaan yang paling besar, tetapi tidak ramai yang mengetahui tentang perkara ini.

Di samping itu, kedudukan kampus UiTM sangat strategik dan mampu membawa perubahan setempat. UiTM memiliki banyak pencapaian, maka saya berhasrat untuk menyerlahkan potensi, kejayaan, dan pencapaian UiTM kepada pihak luar. Seterusnya, saya berharap agar warga UiTM melihat perkembangan di dalam dan di luar negara supaya timbul keinginan dalam diri mereka untuk terus berdaya saing pada tahap yang lebih tinggi. Saya inginkan warga UiTM secara keseluruhannya sentiasa dahagakan kejayaan, berkeinginan untuk meningkatkan pencapaian ke tahap yang lebih tinggi, serta berkemahuan untuk bersaing di medan persaingan yang bukan sahaja di dalam negara, bahkan di luar negara. Itulah antara perkara yang ingin saya capai.

DM: Bagaimanakah caranya untuk kita memperbetulkan persepsi atau bahawa kedudukan bumiputera akan terjejas sekiranya berlaku perubahan yang melibatkan UiTM?

Profesor Emeritus Datuk Ir. Dr. Mohd Azraai Kassim: Apa-apa bentuk perubahan yang dilakukan ini adalah untuk meningkatkan daya saing dalam kalangan bumiputera. Rakyat seharusnya tidak perlu risau kerana sudah terbukti bahawa UiTM telah merekodkan banyak pencapaian dalam

melahirkan graduan bumiputera yang profesional. UiTM mempunyai ramai perantara yang berjaya. Akan tetapi, dalam menghadapi IR 4.0, kita tahu berlaku banyak perkembangan teknologi dan semestinya pendekatan yang kita akan lakukan berbeza daripada sebelum ini. Seharusnya bumiputera bersedia untuk bersaing dalam era ini. Oleh itu, UiTM akan melatih bumiputera agar menjadi lebih berdaya saing serta berfikiran global supaya mereka merebut peluang yang disediakan dan mengambil tempat dalam merealisasikan WKB 2030.

DM: Bagaimanakah dengan kebolehpasaran graduan UiTM? Profesor Emeritus Datuk Ir. Dr.

Mohd Azraai Kassim: Sejak tahun 2019, kita sudah menyaksikan kebolehpasaran graduan universiti ini. Sebanyak 83.8 peratus pelajar berjaya menamatkan pengajian. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 83 peratus graduan berjaya mendapatkan pekerjaan dalam sektor swasta, 13 peratus dalam sektor kerajaan dan empat peratus menjadi usahawan. Oleh itu, bagi saya, hal ini merupakan satu pencapaian yang besar.

Pada tahun lalu, seramai 47 508 orang graduan dihasilkan oleh UiTM. Jadi, setengah orang berkata bahawa 4000 orang usahawan yang dihasilkan merupakan nilai yang kecil, tetapi bagi kami, empat peratus daripada 47 508 orang graduan ialah satu bilangan yang besar. Hal ini membuktikan keberkesanan program yang diatitkan di UiTM sendiri, maka tidak menjadi masalah untuk graduan kita mendapat pekerjaan di luar sana.

Namun begitu, mungkin beberapa peratus yang berbaki itu masih tidak mempunyai daya saing. Bagi menangani permasalahan ini, UiTM akan menggunakan pendekatan program khidmat komuniti berkredit untuk meningkatkan keyakinan diri pelajar. Selama ini, penekanan hanya

diberikan kepada program khidmat komuniti biasa seperti gotong-royong dan sebagainya. Akan tetapi, kita mahukan khidmat komuniti yang membolehkan para pelajar dan pensyarah menggunakan kepakaran mereka untuk memberikan impak kepada komuniti. Sebagai contohnya, pelajar dari Fakulti Perladangan dan Agroteknologi boleh menggunakan ilmu dan kemahiran yang ada untuk membantu komuniti di kawasan perkampungan untuk meningkatkan taraf kehidupan dan pendapatan mereka. Jadi, inilah perkara yang kita mahukan. Oleh sebab itu, pada tahun lalu, saya telah membawa misi bahawa apa-apa juga yang akan dilakukan oleh universiti dari segi pendidikan serta perkhidmatan perlulah memberikan impak kepada komuniti.

DM: Datuk ada sebutkan tentang kuantiti infrastruktur yang akan dipertingkatkan. Adakah hal yang demikian akan mempengaruhi jumlah kemasukan pelajar?

Profesor Emeritus Datuk Ir. Dr. Mohd Azraai Kassim: Kami akan menambah bilangan program yang sudah tentu akan meningkatkan jumlah kemasukan pelajar. Di samping itu, kami akan memperkenalkan program baharu Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) atasan, seperti program teknologi kejuruteraan yang melibatkan pengajian selama dua tahun di universiti dan dua tahun untuk latihan industri. Program seperti ini akan diperbanyak terutamanya program yang memenuhi kehendak IR 4.0.

DM: Apakah bentuk cabaran yang dihadapi oleh Datuk dalam mengemudi universiti yang besar ini? Profesor Emeritus Datuk Ir. Dr.

Mohd Azraai Kassim: Cabaran yang paling besar bagi saya adalah untuk menggerakkan seluruh warga universiti mega ini supaya sejajarkan

Pencapaian UiTM yang paling besar ialah kejayaan melakukan transformasi sosioekonomi bumiputera, iaitu mengubah kehidupan orang Melayu dan bumiputera yang berasal dari kampung dan rata-ratanya daripada keluarga berpendapatan rendah menjadi orang yang berjaya serta mengambil tempat dalam persaingan ekonomi negara. Hal ini sebenarnya merupakan kejayaan yang paling besar, tetapi tidak ramai yang mengetahui tentang perkara ini.

diri mereka dengan hala tuju universiti yang baharu. Seterusnya, memastikan warga universiti mempunyai mentaliti bukan sahaja berminda global, tetapi minda berdaya saing dan sentiasa inginkan kejayaan.

DM: Mengapakah setiap warga UiTM termasuk pelajarinya perlu berbangga dengan universiti ini?

Profesor Emeritus Datuk Ir. Dr. Mohd Azraai Kassim: UiTM telah memberikan mereka pendidikan terbaik serta dapat menyerlahkan potensi yang ada pada diri mereka kepada tahap maksimum. Berlandaskan slogan: “*Unleashing potential, shaping the future*”, bermaksud kami bukan sahaja mahu menyerlahkan potensi individu, malahan potensi universiti sendiri bagi membentuk masa hadapan yang cerah.

Potensi yang ada pada individu ini telah dibawa melalui pelbagai aktiviti kurikulum dan kokurikulum. Pada

satu tahap, graduan kita mampu untuk mendapatkan pekerjaan yang terbaik, terlibat dalam perniagaan, serta menjadi orang yang hebat. Kami mahu mereka berbangga dengan UiTM kerana UiTM telah menjadikan mereka seseorang yang boleh berdiri dengan megah, terlibat dalam pembangunan negara, dan menyumbang melalui bidang-bidang mereka.

UiTM merupakan satu bentuk perjalanan yang panjang untuk membentuk masa hadapan bumiputera. Ada yang mengaitkan bahawa masa hadapan bumiputera bergantung pada kejayaan UiTM. Tidak dapat tidak, UiTM menjadi institusi bumiputera terbesar di Malaysia dan sudah tentu pencapaiannya memberikan impak yang besar kepada orang Melayu keseluruhannya. Kita mahu graduan UiTM berbangga dengan pencapaian yang besar ini – membawa kepada

transformasi sosioekonomi individu, keluarga dan keseluruhan bangsa.

DM: Apakah pandangan Datuk tentang cadangan untuk mewujudkan semula Kementerian Pengajian Tinggi?

Profesor Emeritus Datuk Ir. Dr.

Mohd Azraai Kassim: Kementerian pendidikan merupakan institusi yang besar. Bagi saya, sekiranya kerajaan mewujudkan dua buah kementerian – untuk peringkat sekolah dan peringkat pengajian tinggi – gerak kerja yang dilakukan lebih berfokus serta mampu membuahkan hasil kerja yang lebih efektif. Hal ini penting terutamanya dalam menangani cabaran yang cukup besar dalam bidang pendidikan pada masa kini. Saya lebih cenderung agar kerajaan mewujudkan dua buah kementerian yang menangani hal berkaitan dengan pendidikan di negara ini. □